

BULETIN KOPMEDIA



Ikuti kami di [f](#) [i](#) [globe](#) [tiktok](#)

JUN 2025 EDISI 1

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT YANG DIPERTUA KOPMEDIA



Encik Irwan A.Rahman Ketua Pegawai Eksekutif YAPEIM Holding Sdn Bhd dan Encik Mohd Fadzil bin Hj Abdul Ghani Pengurus Kopmedia serta Puan Rodziah Jamaah Pengurus Besar Kopmedia sedang berbincang.



Encik Irwan menyampaikan cenderahati kepada Encik Mohd Fadzil sebagai tanda penghargaan.

14 Mei 2025 – KOPMEDIA telah menerima kunjungan hormat daripada tiga wakil YAPEIM Holding Sdn Bhd yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Irwan A. Rahman. Pihak KOPMEDIA pula diwakili oleh Pengurus, Encik Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani, Puan Rodziah Jamaah, Pengurus Besar, Encik Ridzwan Ahmad, Pengurus Hartanah, Perhubungan Awam & Pengurusan Acara serta Puan Azlina Ibrahim, Eksekutif Kanan Pentadbiran & Modal Insan.

Tujuan sesi pertemuan adalah untuk berbincang peluang perniagaan dan kerjasama strategik yang boleh dijalankan antara kedua-dua pihak. Antara kerjasama yang akan dilaksanakan adalah jualan produk prelove premium oleh YAPEIM GOLD yang mempunyai nilai harga dan kualiti yang kompetitif.

Bagi memperkuuh jaringan kerjasama yang dibincangkan, sesi kunjungan balas ke pejabat YAPEIM di Putrajaya akan diadakan.

#KERJASAMA STRATEGIK
#PELAN STRATEGIK KOPMEDIA 2030